




# S U B U L U S SAHABAH

Laluan Menapaki Jalan Nabi Muhammad  
Shallallahu Alaihi Wasallam



**SHEIKH DR. HAYTHAM SARHAAN**  
DA'EEN KEMENTERIAN HAL EHWAL ISLAM DAN WAKAF  
ARAB SAUDI



# SUBULUS SAHABAH

Laluan Menapaki Jalan Nabi Muhammad  
Shallallahu Alaihi Wasallam

*Sahabat Nabi Shallallahu Alaihi Wasallam adalah orang yang menyampaikan risalah agama (Al-Quran dan Hadits) daripada Rasulullah Shallallahu Alaihi Wasallam sehingga tidak benar jika ada orang yang mengatakan bahawa agama itu diambil daripada kebiasaan nenek moyang.*

*Baginda telah bersabda; Mereka adalah orang yang berada di atas ajaran yang sama dengan ajaranku pada hari ini dan para sahabatku.*

*(HR. Ahmad)*

*Sesungguhnya Abu Dzar Radhiallahu Anhu berkata; Rasulullah Shallallahu Alaihi Wasallam telah wafat dan tidak ada seekor burung pun yang mengepakkan sayapnya kecuali beliau sebutkan bagi kami apa yang ada padanya.*

*Fahamilah dan amalkan aqidah yang dibawakan oleh Rasulullah Shallallahu Alaihi Wasallam menerusi warisan para sahabat ini agar kita dapat menelusuri jejak mereka yang telah dahulu diberikan nikmat oleh Allah Azza wa Jalla.*

*Dan barang siapa yang menaati Allah dan rasul-(Nya), mereka itu akan bersama-sama dengan orang-orang yang dianugerahi nikmat oleh Allah, yaitu nabi-nabi, para shiddiqin, orang-orang yang mati syahid, dan orang-orang saleh. Dan mereka itulah teman yang sebaik-baiknya.*

*(QS. An-Nisā 4:69)*



[shopee.my/pustakaibrahim](https://shopee.my/pustakaibrahim)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ





# S U B U L U S SAHABAH

Laluan Menapaki Jalan Nabi Muhammad  
Shallallahu Alaihi Wasallam



**SHEIKH DR. HAYTHAM SARHAAN**  
DA'EEN KEMENTERIAN HAL EHWAL ISLAM DAN WAKAF  
ARAB SAUDI



SUBULUS  
**SAHABAH**

Penyusun

*Sheikh Dr. Haytham Sarhaan*

Muraja'ah

*Pustaka Ibrahim*

Reka letak dan desain muka depan

*Pustaka Ibrahim*

Penerbit

*Pustaka Ibrahim*

*Jumadaa Thani 1446*

*Disember 2024*

# BIOGRAFI PENYUSUN

# SHEIKH DR. HAYTHAM

# SARHAAN

Kelahiran: 1391h, bersamaan dengan 1971.

-Bandar: Beliau dilahirkan di kota Jeddah, Arab Saudi, dan kemudian berpindah ke al-Madinah an-Nabawiyyah, tempat beliau menetap sekarang

Bertugas sebagai seorang Guru di Masjid Nabi sebelum ini, dan kini penyelia Mahad Sunnah English. Beliau dilantik sebagai Imam dan Khatib di Masjid Jam'i di-Bani Malik, Jeddah. Beliau turut dilantik sebagai guru di al-Ma'had al-Haram di al-Masjid an-Nabawi pada tahun 1428h, di mana beliau mengajar 'Aqidah, Fiqh dan Faräid. Pada 1432h, beliau telah dijemput untuk menyertai musim panas tahunan Dawrah 'Ilmiyyah di al-Masjid an-Nabawi di mana beliau mengajar Kitab at-Tawhid. Selain itu, beliau telah mengajar banyak kitab di Masjid Dhu-Nurayn dan Masjid al-Ghamämah di Madinah. Bukan itu sahaja, beliau telah mengembara ke pelbagai pekan dan kampung kecil di Arab Saudi untuk berdakwah. Akhirnya pada tahun 1430H beliau telah dilantik sebagai Da'ee oleh Kementerian Hal Ehwal Islam dan Wakaf..

Ulama yang dia belajar:

Syaikh Ibn 'Utsaimin: Dia akan pergi ke al-Haram al-Makki untuk belajar dengan Syaikh pada musim-musim di mana Ibn 'Utsaimin akan tinggal dan mengajar di Makkah.

Syaikh Abdul Muhsin al-Abbad: setelah berpindah ke Madinah, beliau menghabiskan beberapa tahun dalam mempelajari kitab-kitab Sunnan bersama Syaikh di al-Masjid an-Nabawi.

Syaikh Muhammad Ibn 'Abdul Wahhab al-Banna, di Jeddah.

Syaikh "Umar Muhammad Fulläta, di al-Masjid an-Nabawi.

Syaikh 'Atiyyah Salim, di al-Masjid an-Nabawi.

Syaikh Muhammad Hamüd al-Wäili, di al-Masjid an-Nabawi.

Syaikh Ammar ibn Mukhtar al-Akhdir & Syaikh Sa'id Ibn Hamüd al-Juhani: Beliau mempelajari hukum-hukum pewarisan dengan mereka di al-Masjid an-Nabawi.

Dia juga menghadiri pelajaran dan perhimpunan dengan Syaikh Ibn Baz, dan bertemu dengan Syaikh Muhammad Näşirud-Deen al-Albani yang menghadiahkannya salinan pertama bukunya: "Tahrim Älät At-Tarb" lit. "Keharaman Alat Muzik"

Buku-buku yang dikarangnya

- Al-Mukhtaṣar al-Mufid li sirat an-Nabi al-Mustafa. • At-Taqsim wat-Taq'id lil Qawl al-Mufid.
- Sharh matn ad-Durüs al-Muhimma li 'Aamatil Ummah • Sharh al-Uṣūl ath-Thalathah
- Sharh al-Uṣūl as-Sittah • Sharh Manhaj as-Sälükin. • Mutun Talib al-ilm

# Mengenal Allah SWT

Diantara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah: malam, siang, matahari dan bulan. Sedangkan diantara ciptaan-Nya ialah: tujuh lapis langit dan tujuh lapis bumi beserta segala makhluk yang ada di langit dan di bumi juga yang ada di antara keduanya.

Allah berfirman:

وَمِنْ آيَاتِهِ اللَّيْلُ وَالنَّهَارُ وَالشَّمْسُ وَالقَمَرُ لَا تَسْجُدُوا لِلشَّمْسِ وَلَا لِلْقَمَرِ وَاسْجُدُوا إِلَيَّ ذَي  
خَلَقَهُنَّ إِنْ كُنْتُمْ إِيمَانًا تَعْبُدُونَ

*“Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah malam, siang, matahari, dan bulan. Janganlah kamu sujud kepada matahari dan janganlah (pula kamu sujud) kepada bulan, tetapi bersujudlah kepada Allah yang menciptakannya, jika kamu benar-benar hanya kepada-Nya beribadah.”*

(QS. Fushshilat : 37).

Ibnu Kathir rahimahullahu ta’ala, berkata: Yang mencipta segala sesuatu ini, dialah yang berhak untuk diperuntukkan kepadanya ibadah. Bahwa yang diesakan dalam tauhid rububiyyah wajib pula untuk diesakan dalam tauhid uluhiyah. Tidak boleh memalingkan hak Rububiyyah Allah kepada selain-Nya (makhluk) dalam urusan memberi rezeki, perlindungan, mencipta, menghidupkan, mematikan dan lain-lainnya.

SUBULUS

SAHABAH

Ibnu Katsir rahimahullahu ta'ala, berkata: Yang mencipta segala sesuatu ini, dialah yang berhak untuk diperuntukkan kepadanya ibadah. Bahawa yang esa dalam tauhid rububiyah wajib untuk diesakan dalam tauhid uluhiyah. Kata Ar-Rab maknanya adalah yang disembah.

Dalilnya, firman Allah Ta'ala:

يَأَيُّهَا النَّاسُ أَعْبُدُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقُكُمْ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Artinya: **Wahai manusia, sembahlah Tuhan-mu yang telah menciptakanmu dan orang-orang yang sebelummu agar kamu bertakwa.** (QS. Al-Baqarah 2:21)

الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ فِرْشًا وَالسَّمَاءَ بَنَاءً وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَكُمْ فَلَا تَجْعَلُوا لِلَّهِ أَنَدَادًا وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Artinya: **Dia-lah yang menjadikan bumi sebagai hamparan bagimu, dan langit sebagai atap, dan Dia menurunkan air (hujan) dari langit, lalu Dia menghasilkan dengan hujan itu segala buah-buahan sebagai rezeki untukmu; karena itu, janganlah kamu mengadakan sekutu-sekutu bagi Allah, padahal kamu mengetahui.** (QS. Al-Baqarah 2:22)

Ayat sebelum ini, sebagaimana terdapat dalam surat al-Baqaroh, sebagian para ulama mengatakan ayat ini terdapat didalamnya:

1. Seruan pertama dalam al Qur'an pada: "Wahai manusia."
2. Awal perintah dalam al Qur'an pada: "Sembahlah" Yakni: tauhidkanlah.
3. Awal larangan dalam al Qur'an pada:

فَلَا تَجْعَلُوا لِلَّهِ أَنَدَادًا وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

"Karena itu, janganlah kamu mengangkat sekutu-sekutu bagi Allah, padahal kamu mngetahui."

SUBULUS  
**SAHABAH**



# Syahadat La ilaha illallah

Adapun dalil syahadat La ilaha illallah, firman Alah Ta'ala :

شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ وَأُولُو الْعِلْمُ قَائِمًا  
بِالْقِسْطِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

*“Allah menyatakan bahwa tiada sesembahan (yang haq) selain Dia, dengan senantiasa menegakkan keadilan. (juga menyatakan yang demikian itu) para Malaikat dan orang-orang yang berilmu. Tiada sesembahan (yang haq) selain dia, Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.” (QS. Ali-Imran : 18).*

Makna “La Ilaha Illallah” adalah tiada sesembahan yang berhak disembah selain Allah Ta’ala. Syahadat ini mengandung dua unsur: Meniadakan dan menetapkan. “La Ilaha”, adalah meniadakan segala sesembahan selain Allah. “Illallah”, adalah menetapkan bahwa ibadah (penghamaan) itu hanya untuk Allah semata, yang tiada sekutu bagi-Nya dalam peribadatan, sebagaimana tidak ada sekutu bagi-Nya dalam kakuasaanNya.

Tafsir makna syahadat tersebut diperjelas oleh firman Allah Ta’ala:

وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ لِأُبْرِيْهِ وَقَوْمِهِ إِنِّي بَرَآءٌ مّمَّا تَعْبُدُونَ  
إِلَّا الَّذِي فَطَرَنِي فَإِنَّهُ سَيَهْدِيْنِ \* وَجَعَلَهَا كَلِمَةً  
بَاقِيَةً فِي عَقِيْهِ لَعَلَّ هُمْ يَرْجِعُونَ

*“Dan (ingatlah) ketika Ibrahim berkata kepada bapaknya dan kepada kaumnya : ‘Sesungguhnya aku menyatakan berlepas diri dari segala yang kamu sembah, kecuali Tuhan yang telah menciptakanku, kerena sesungguhnya Dia akan memberiku petunjuk. Dan (Ibrahim) mejadikan kalimat tauhid itu kalimat yang kekal pada keturunannya supaya mereka senantiasa kembali (kepada tauhid).” (QS. Az-Zukhruf : 26-28)*

Erti (aku menyatakan berlepas diri dari segala yang kamu sembah), ini adalah makna dari “Laa ilaha” (tidak ada sesembahan). Dan firmanNya: (kecuali Tuhan yang telah menciptakanku), ini adalah makna dari illallah.

SUBULUS

## SAHABAH

Dalam persaksian kalimat syahadat ini terkandung dalamnya penafian (peniadaan) dan itsbat (penetapan). Penafian terdapat pada “Laa ilaha” (tidak ada sesembahan). Itsbat terdapat pada “ illallah” (kecuali Allah). Dalam konteks ini (penafian dan itsbat) memberikan faedah pembatasan dan penetapan. Yakni membatasi dan menetapkan ibadah hanya untuk Allah semata serta menafikannya daripada selain-Nya.

Firman Allah:

قُلْ يَا أَهْلَ الْكِتَابِ تَعَالَوْ أَإِنَّ كَلَمَةً سَوَاءٍ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ

“Katakanlah (Muhammad) : ‘Hai Ahli Kitab! Marilah kamu kepada suatu kalimat yang tidak ada perselisihan antara kami dan kamu.”

Ayat ini merupakan bantahan atas ajakan untuk mempersatukan semua agama. Makna persaksian bahwa Muhammad itu adalah utusan Allah, adalah mentaati apa yang diperintahkannya, membenarkan apa yang diberitakannya, menjauhi apa yang dilarang dan yang dicegahnya, serta tidak beribadah kepada Allah melainkan dengan apa yang disyariatkannya (**tidak melakukan bida'ah**).

Adapun dalil persaksian bahwa Muhammad itu Rasulullah yaitu firman Allah:

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ  
خَرِيصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ رَوْفٌ رَّحِيمٌ

“Sungguh telah datang kepadamu seorang Rasul dari kalangan kamu sendiri, terasa berat olehnya penderitaanmu, sangat mengiginkan (keimanan dan keselamatan) untuk kalian, dan amat belas kasih lagi penyayang kepada orang-orang yang beriman.” (QS. At-Taubah : 128). (1)

SUBULUS

SAHABAH



# Muhammad adalah Rasulullah

Kandungan persaksian bahwa Muhammad adalah Rasulullah (yakni: beliau adalah hamba yang tidak boleh diibadahi dan seorang Rasul yang tidak boleh didustakan)

1. Kita mentaatinya pada setiap yang diperintahkannya kerana beliau adalah muballigh (penyampai) dari Allah;
2. Membenarkan apa yang dikhabarkannya yang mana beliau adalah seorang yang terpercaya dan dipercaya;
3. Meninggalkan apa yang dilarang dan dicegahnya yaitu dengan meletakan larangan di suatu kutub dan anda di kutub yang lainnya;
4. Tidak beribadah kepada Alah melainkan dengan ajaran yang dibawa oleh Rasulullah. Ini adalah bantahan terhadap pelaku ahli bid'ah

SUBLUS

## SAHABAH



# Kenali jenis Ibadah

## Jenis-jenis ibadah yang diperintahkan Allah

Antaranya adalah:

1. Islam, 2. iman, 3. ihsan, 4. doa,
5. khauf (takut),
6. roja' (pengharapan), 7.tawakkal,
8. raghbah (mengharap),
9. rahbah (cemas),
10. khusyu' (tunduk),
11. khasyyah (takut),
12. inabah (kembali kepada Allah),
13. isti'anah (memohon pertolongan),
14. isti'azah (memohon perlindungan),
15. istighatsah (memohon keselamatan),
16. menyembelih, 17. nazar,

dan jenis-jenis ibadah lainnya yang diperintahkan oleh Allah.

SUBULUS

SAHABAH

# Untuk siapakah Ibadah dilaksanakan?

Ibadah sebenarnya hanyalah dilaksanakan hanya untuk Allah SWT semata. Oleh kerana itu, barangsiapa yang memalingkan ibadah tersebut untuk selain Allah, maka dia adalah musyrik dan kafir.

Allah Ta'ala berfirman :

وَمَنْ يَدْعُ مَعَ اللَّهِ الَّهَا آخَرَ لَا بُرْهَانَ لَهُ بِهِ فَإِنَّمَا حِسَابُهُ عِنْدَ رَبِّهِ إِنَّهُ لَا يُفْلِحُ الْكَافِرُونَ

*“Dan barangsiapa menyembah sesembahan yang lain selain Allah, padahal tidak ada satu dalilpun baginya tentang itu, maka benar-benar balasannya ada pada Tuhanya. Sungguh tiada beruntung orang-orang kafir itu.”*

(QS. Al-Mu’minun:117).

Diriwayatkan dari An-Nu‘man bin Basyir radhiyallahu ‘anhu, Rasulullah shallallahu ‘alaihi wa sallam bersabda:

*“Do'a adalah ibadah.” Kemudian dia membaca ayat (tafsir maksudnya): “Dan Tuhanmu berfirman, ‘Berdoalah kepada-Ku; Aku akan mengabulkan permintaanmu.’ Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri dari menyembah-Ku akan masuk neraka [dalam keadaan hina].”* [Ghaafir 40:60].

Diriwayatkan oleh Ahmad dalam al-Musnad (18352) dan al-Bukhaari dalam al-Adab al-Mufrad (714).

SUBULUS

## SAHABAH



# Dua Jenis Doa Masalah

Doa ini bila dipalingkan kepada selain Allah maka termasuk dalam syirik besar. Dua jenis doa masalah (permintaan).

**Pertama**, Yang tidak mampu memakbulkannya kecuali Allah. Jika dipalingkan doa ITU kepada selain-Nya maka individu tersebut telah melakukan Syirik besar.

**Kedua**, Yang mampu diupayakan oleh manusia, ianya dibenarkan, dengan syarat-syarat sebagai berikut:

1. yang diminta adalah hidup, tidak mati;
2. yang diminta harus ada, bukan yang ghaib;
3. yang dimintai harus mampu, bukan yang tidak mampu;
4. keyakinan bahwa yang dimintai hanya sebagai sebab

Berkaitan dengan sebab, tidak boleh kita meyakini bahwa sebab tersebut dapat berpengaruh dengan sendirinya. Adapun kalau seseorang meyakini bahwa yang dimintai dapat memberi pengaruh dengan sendirinya dalam alam ini dan bahwa dia boleh mendatangkan manfaat dan menolak mudharat, maka itu termasuk kesyirikan.

SUBULUS

**SAHABAH**



# Hukum Sebab

Meyakini sebab yang dijadikan oleh Allah sebagai sebab maka hukumnya sah, dan terbagi menjadi **dua**:

1. Sebab **syar'iyah** seperti ruqyah, yang mana Allah telah menjadikan ruqyah sebagai sebab syar'iyah untuk menyembuhkan penyakit.
- 2.. Sebab **hissiyah** (perasa) seperti obat, yang mana Allah telah menjadikannya sebagai sebab untuk menyembuhkan penyakit.

Meyakini suatu sebab yang tidak dijadikan oleh Allah sebagai sebab maka hukumnya **syirik kecil**. Meyakini sebab boleh mempengaruhi dengan sendirinya dalam mendatangkan manfaat dan menolak mudharot maka hukumnya **syirik besar**.

**Pertanyaan:** Bagaimana doa termasuk dalam ibadah?

**Jawabannya**, bahwa perkara itu telah ditunjukan dalam ayat al Qur'an. Allah ta'ala berfirman:

وَقَالَ رَبُّكُمْ اذْعُونِي أَسْتَجِبْ

“Dan Tuhanmu berfirman : ‘ **Berdo'alah** kamu kepadaku niscaya akan Ku perkenankan bagimu’. Sesungguhnya, orang-orang yang enggan untuk **beribadah** kepadaKu pasti akan masuk neraka dalam keadaan hina.” (QS. Ghafir: 60).

SUBLUS

**SAHABAH**

10



# Takut Ibadah

Dalil khauf (**takut**), firman Allah Ta'ala:

فَلَا تَخَافُوهُمْ وَخَافُونِ إِنْ كُنْتُمْ مُّؤْمِنِينَ

*Maka janganlah kamu takut kepada mereka, tetapi takutlah kepada-Ku, jika kamu benar-benar orang yang beriman.”*

(QS. Ali Imran: 175).

Takut adalah reaksi yang timbul akibat kemungkinan terjatuh pada kebinasaan atau bahaya atau gangguan. Sesungguhnya Allah telah melarang untuk takut kepada wali-wali syaitan dan supaya hanya takut kepadaNya semata.

- (1) **Takut ibadah** atau takut pengagungan atau takut tersembunyi yaitu takutnya seorang hamba kepada yang disembahnya; dalamnya ada ketundukan, penghinaan diri dan pengagungan terhadap yang disembah. Takut ini **wajib** diperuntukkan kepada **Allah** sahaja. Jika dipalingkan kepada selain-Nya, maka individu tersebut telah melakukan **syirik besar**. **Alkhasyah** juga adalah **takut** yang terbagun di atas pengilmuan terhadap keagungan dan kesempurnaan kekuasaan yang ditakutinya.
- (2) **Takut** yang merupakan **tabiat** dan **jibilli (fitrah)** yaitu seperti takutnya manusia kepada api, musuh, hewan buas dan seterusnya. Takut ini adalah takut yang **diperbolehkan**.
- (3) **Takut** yang **diharamkan** yaitu seperti berputus asa daripada rahmat Allah dan taat terhadap makhluk dengan bermasiat kepada Sang Pencipta.

SUBULUS

SAHABAH



# Roja' (harapan) ibadah

**Roja'** (harapan) adalah keinginan manusia terhadap perkara yang dekat untuk diperoleh walaupun terkadang perkaranya jauh, tetapi didudukkan seperti perkara yang dekat.

Harapan yang terkandung didalamnya ketundukan dan penghinaan diri, tidak boleh diperuntukan melainkan hanya kepada Allah. Jika dipalingkan kepada selain-Nya, maka masuk dalam **syirik besar**.

Harapan yang terpuji tidak didapatkan melainkan mereka yang beramal untuk Allah dan mengharap pahala-Nya atau bertaubat dari maksiat kepadaNya dengan mengharap ampunan-Nya. Adapun harapan yang tidak diiringi amalan maka itu adalah ketertipuan dan angan-angan yang tercela.

Dalil roja', firman Allah Ta'ala:

فَمَنْ كَانَ يَرْجُو لِقَاءَ رَبِّهِ فَلْيَعْمَلْ عَمَلاً صَالِحًا  
وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةَ رَبِّهِ أَحَدًا

*“Untuk itu, barangsiapa yang mengharap perjumpaan dengan Tuhan-Nya, maka hendaklah dia mengerjakan amal shaleh dan janganlah mempersekuatkan-Nya dengan seorang pun dalam beribadah kepada-Nya.”*

(QS. Al-Kahfi: 110)

SUBLUS

# SAHABAH

Ibnu Abbas rahimahullah berkata:

Pada suatu hari, saya sedang menunggang di belakang Nabi (SAW) ketika dia berkata, "Wahai anak lelaki! Saya akan mengajar kamu dalam beberapa perkara.

**Berjaga-jagalah kepada Allah (Perintah Allah), Dia akan memelihara kamu.**

**Menjaga Hak-Nya, Dia akan menjadi sentiasa bersama kamu. Jika kamu memohon, mohonlah hanya kepada-Nya; dan jika kamu memerlukan pertolongan, mohonlah pertolongan kepada Allah sahaja. Dan ingatlah bahawa jika semua orang berkumpul untuk memberi manfaat kepada kamu, mereka tidak akan dapat memberi manfaat kepada kamu melainkan apa yang Allah berikan. telah menakdirkan (untukmu) dan jika mereka semua berkumpul untuk mencelakakanmu, niscaya mereka tidak akan dapat menimpa kepadamu selain dari apa yang telah ditetapkan Allah atasmu. Pena telah diangkat dan tinta telah kering".**

[At-Tirmidzi, yang mengkategorikannya sebagai Hadis Hasan Sahih].



# Dalil Tawakkal

Dalil tawakkal, firman Allah Ta'ala:

وَعَلَى اللَّهِ فَتَوَكَّلُوا إِنْ كُنْتُمْ مُّؤْمِنِينَ

"Dan hanya kepada Allah-lah kamu bertawakkal, jika kamu benar-banar orang yang beriman." (QS. Al-Maidah: 23)

Dan firmannya :

وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ

*Dan barangsiapa yang bertawakkal kepada Allah maka Dialah Yang Mencukupinya.*" (QS. Ath-Thalaq :3).

Pengertian tawakal:

Secara bahasa: **bertawakkal kepada sesuatu** berarti **bersandar kepadanya**

Secara istilah: **benarnya penyandaran kepada Allah dan percaya kepada-Nya disertai mengambil sebab yang disyariatkan**

**Tiga** perkara yang **harus dipenuhi** dalam **tawakkal**:

1. Benarnya penyandaran kepada Allah;
2. Mengambil sebab yang disyariatkan.
3. Percaya bahwa Allah akan merealisasikan janji-Nya

SUBULUS

# SAHABAH



# Dalil raghbah, rahbah (cemas) dan khusyu' (tunduk)

Firman Allah:

إِنَّهُمْ كَانُوا يُسَارِعُونَ فِي الْخَيْرَاتِ وَيَدْعُونَا  
رَغْبًاً وَرَهْبًاً وَكَانُوا لَنَا خَائِسِينَ

*“Sesungguhnya mereka itu senantiasa berlomba-lomba dalam kebaikan- kebaikan serta mereka berdo'a kepada Kami dengan penuh cinta dan takut, sedang mereka itu selalu tunduk hanya kepada Kami. (QS. Al-Anbiya : 90).*

1. Makna **Arraghbah** adalah **kecintaan** untuk **sampai** kepada **sesuatu yang dicintai**;
2. Makna **Arrahbah** adalah **ketakutan** yang **membuahkan penyelamatan diri dari yang ditakuti**; yakni **ketakutan** yang **disertai amal**;
3. Makna **Alkhusyu** adalah **ketundukan** dan **penghayatan** terhadap **kebesaran Allah**, dengan memasrahkan diri terhadap **ketetapan-Nya**, baik ketetapan kauni maupun **ketetapan syar'i**.

Seorang yang berjalan menuju Allah ia harus menggabungkan antara **takut** dan **harapan**. Jangan pula menjadikan yang **satu mendominasi** yang lainnya. Kalau tidak, dia akan **terjatuh** dan **hancur**. Maka tidak boleh tidak, **takut** dan **harapan** harus senantiasa mengiringi seseorang seperti dua sayap burung.

SUBULUS

SAHABAH



# Dalil inabah (kembali kepada Allah)

Firman Allah:

وَأَنِيبُوا إِلَى رَبِّكُمْ وَأَسْلِمُوا لَهُ ...

*“Dan kembalilah kepada Robb kalian serta berserah dirilah kepada-Nya (dengan mentaati perintah-Nya) sebelum datang azab kepadamu, kemudian kamu tidak dapat tertolong lagi.”*

(QS. Az-Zumar : 54). (2)

**Inabah** adalah **kembali kepada Allah** dengan **mengerjakan ketaatan** dan **menjauhi maksiat** kepadaNya, yakni **kembalilah** (وَأَنِيبُوا) yakni kalian **إِلَى رَبِّكُمْ**, **menyerahkan urusan** kalian **kepada Allah**, karena kalian adalah sebagai **seorang hamba**. Dimana **seorang hamba** harus **pasrah kepada tuannya**. Dan **tuan itu** adalah **Allah** yang **Maha Suci**.

Rasulullah bersabda: “**tuan itu** adalah **Allah**.”

SUBULUS

**SAHABAH**

# Dalil isti'anah (memohon pertolongan)

Firman Allah:  
إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ

*“Hanya kepada Engkau-lah kami beribadah dan hanya kepada Engkau-lah kami memohon pertolongan.” (QS. Al-Fatihah :4).*

Dan diriwayatkan dalam hadits: *“Apabila kamu mohon pertolongan, maka memohonlah pertolongan kepada Allah.”*

Isti'anah adalah meminta pertolongan. dalam ayat (إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ) ini ada pendahuluan kalimat yang seharusnya diakhirkan; ini memiliki maksud untuk memberikan pembatasan. Yakni; kami tidak menyembah melainkan kepadamu sahaja dan kami tidak meminta pertolongan melainkan kepadamu sahaja.

# Dalil isti'adzah (memohon perlindungan)

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ  
“Katakanlah : Aku berlindung kepada Tuhan Yang Menguasai subuh.”  
(QS. Al-Falaq : 1).

Dan firman-Nya  
قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ

“Katakanlah : ‘Aku berlindung kepada Tuhan Manusia, Penguasa manusia.’”  
(QS. An- Nas : 1-2).

Isti'adzah adalah meminta perlindungan, yakni perlindungan dari mara bahaya (وأعوذ), berarti saya meminta pertolongan dan perlindungan.

SUBULUS

SAHABAH



# Dalil istighatsah (memohon keselamatan)

Firman Allah ta'ala:

إِذْ تَسْتَغْفِرُونَ رَبَّكُمْ فَاسْتَجَابَ لَكُمْ ...

*“(Ingatlah) tatkala kamu memohon keselamatan kepada Tuhan kalian untuk dimenangkan (atas kaum musyrikin), lalu diperkenankan-Nya bagimu.”*

(QS. Al-Anfal : 9).(1)

Istighatsah adalah meminta keselamatan yaitu supaya dibebaskan dari bahaya dan kebinasaan.

Isti'anah, isti'adzah, istighatsah dan syafa' at diperbolehkan untuk diminta kepada makhluk. Akan tetapi, hanya terhadap perkara-perkara yang dimampui oleh makhluk, dengan empat syarat: hidup, hadir, mampu dan menjadikannya hanya sebagai sebab.

SUBLUS

SAHABAH



# Dalil dzabah (menyembelih)

Firman Allah Ta'ala: Allah ta'ala berfirman,

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ  
لَا شَرِيكَ لَهُ وَبِذِلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ

“Katakanlah : ‘Sesungguhnya shalatku, **sembelihanku**, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah Robb semesta alam, tiada sesuatupun sekutu bagi-Nya. Demikianlah yang diperintahkan kepadaku dan aku adalah orang-orang yang pertama kali berserah diri (kepada-Nya).”

(QS. Al-An'am: 162-163)

Dan **dalil** dari sunnah: “laknat Allah atas mereka yang menyembelih (binatang) untuk selain Allah.”

**Azzabah** (menyembelih) adalah **membunuh binatang** dengan **mengalirkan darahnya** dengan **tata cara** yang **dikhususkan**.

Jenis-jenis menyembelih

1. **Menyembelih karena Allah**, seperti **sembelihan untuk haji, kurban dan sedekah**;
2. **Menyembelih** untuk **selain Allah** disertai cinta dan pengagungan, seperti sesembelihan untuk jin dan penghuni kubur, ini adalah **syirik**;
3. **Sembelihan** yang **mubah** (boleh), seperti sembelihan **untuk dimakan, memuliakan tamu dan dijual**.

SUBULUS

SAHABAH



# Dalil nadzar

Firman Allah Ta'ala :

يُوْفُونَ بِالنَّذْرِ وَيَخَافُونَ يَوْمًا كَانَ شَرُّهُ  
مُسْتَطِيرًا

*“Mereka menunaikan **nadzar** dan takut akan suatu hari yang siksaannya merata di mana-mana.”*  
(QS. Al-Insan : 7).(3)

Pengertian nazar

1. Secara bahasa: **janji** dan **mewajibkan**;
2. Secara istilah: **penetapan kewajiban seseorang atas dirinya sendiri** untuk **melakukan sesuatu** yang **asalnya tidak wajib**

Macam-macam nazar:

1. **Nazar** untuk **selain Allah**;
2. **Nazar** untuk **Allah**

Namun yang perlu dipahami disini bahwa **barang siapa** yang memalingkan **ibadah** kepada **selain Allah**, maka **dia** telah melakukan perbuatan **kesyirikan**.

SUBLUS

**SAHABAH**



# Dalil kafir bagi orang yang meninggalkan solat

Diriwayatkan oleh Abdullah bin Shaqiq Al-Uqayli:

**Para sahabat Muhammad (SAW) tidak menganggap meninggalkan sesuatu (ibadah) sebagai kekufuran kecuali solat.**

Sahih- Jami at-Tirmidzi 2622 Kitab Iman – Kitab Iman tentang Rasulullah saw



## Dalil muzik haram

Diriwayatkan bahawa Al-Awza'i berkata:

Umar bin 'Abdul-'Aziz menulis surat kepada 'Umar bin Al- Walid di mana dia berkata:.. (antara isi Surat tersebut- redaksi) ....*Dan anda secara terbuka membenarkan alat muzik dan alat (muzik) tiupan adalah satu inovasi dalam Islam.*

Sahih- Sunan an-Nasa'i 4135

Ibn Mas'ud, Sahabat Rasulullah SAW berkata; "**Muzik itu menumbuhkan kemunafikan.**"



# Dalil bid'ah haram

Hassan berkata bahawa *tidak ada manusia yang membuat bid'ah dalam agama mereka kecuali Allah menghapuskan jumlah yang sama daripada sunnah (bagi) mereka, kemudian tidak mengembalikannya kepada mereka sehingga hari kiamat.* Dirieayatkan Darimi

Mishkat al-Masabih 188 Sahih

Hendaklah seorang melazimi azkar pagi dan petang yang telah shahih datangnya daripada Nabi shallallahu 'alaihi wasallam untuk menghilangkan penyakit hati (kemunafikan).



## Penutup

Allah ta'ala berfirman,

وَالسِّقُونَ الْأَوَّلُونَ مِنَ الْمُهَجِّرِينَ وَالْأَنَصَارِ وَالَّذِينَ أَتَبْعَوْهُمْ بِإِحْسَنٍ رَّضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ  
وَأَعَدَ اللَّهُمْ جَنَّتٍ تَجْرِي تَحْتَهَا الْأَنْهَرُ خَلِدِينَ فِيهَا أَبَدًا ذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ

Artinya:

*Orang-orang yang terdahulu lagi yang pertama-tama (masuk Islam) di antara orang-orang muhajirin dan ansar dan orang-orang yang mengikuti mereka dengan baik, Allah rida kepada mereka dan mereka pun rida kepada Allah dan Allah menyediakan bagi mereka surga-surga yang mengalir sungai-sungai di dalamnya; mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Itulah kemenangan yang besar. (QS. At-Taubah 9:100)*

SUBULUS

# SAHABAH